

Membangunkan Item untuk Mengukur Integrasi Gaya Kepimpinan Guru Besar Sekolah Rendah di Malaysia: Prosedur Analisis Faktor Penerokaan

Noorveda Hashim, Anita Husin, Zainudin Awang and Roslee Talip

Abstrak – Integrasi gaya kepimpinan memainkan peranan kritikal dalam menentukan kejayaan transformasi pendidikan digital. Walau bagaimanapun, instrumen untuk mengukur pengintegrasian gaya kepimpinan dalam konteks sekolah rendah di Malaysia adalah terhad. Artikel ini bertujuan untuk membangunkan dan mengesahkan instrumen integrasi gaya kepimpinan guru besar iaitu Kepimpinan Transformasi (KT), Kepimpinan Instruksional (KI), Kepimpinan Teragih (KG) melalui persepsi pemimpin pertengahan sekolah rendah. Dalam kajian ini, satu set soal selidik telah diadaptasi dan diubah suai mengikut konteks Malaysia. Soal selidik ini telah melalui proses terjemahan *back-to-back*, kesahan kandungan dan kesahan muka. Setelah mendapat maklum balas dari pakar-pakar yang dilantik, penyelidik membuat pembetulan seperti yang dicadangkan. Satu kajian rintis telah dijalankan ke atas 103 responden yang dipilih secara rawak daripada populasi sasaran kajian ini. Prosedur analisis penerokaan faktor (EFA) telah dijalankan menggunakan perisian SPSS 25.0 untuk menentukan kepentingan setiap item dalam mengukur konstruk serta komponen komponen yang terbentuk. Dapatan daripada prosedur EFA mendapati instrumen KT yang mengandungi 19 item telah membentuk 5 komponen, instrumen KI yang mengandungi 9 item telah membentuk 3 komponen, dan instrumen KG yang mengandungi 16 item telah membentuk 3 komponen. Dapatan EFA menunjukkan bilangan komponen kajian semasa adalah konsisten dengan kajian terdahulu. Nilai kebolehpercayaan dalaman (*internal reliability*) atau *Alpha Cronbach* bagi keseluruhan konstruk adalah 0.935. Nilai ini menunjukkan kebolehpercayaan dalaman adalah mencukupi untuk mengukur setiap konstruk kerana nilai yang didapati melebihi nilai yang dicadangkan iaitu 0.70. Sebagai rumusan, dapatan EFA menunjukkan instrumen yang diadaptasi dan diubah suai adalah sesuai untuk mengukur konstruk yang sama dalam kajian lapangan nanti. Data dari kajian lapangan nanti akan digunakan untuk menjalankan prosedur analisis pengesahan faktor (CFA) menggunakan perisian SPSS-Amos 25.0. Prosedur CFA akan menentukan kesahan konstruk (*construct validity*), kesahan konvergen (*convergent validity*), kesahan membeza (*discriminant validity*) dan kebolehpercayaan komposit (*composite reliability*).

Kata Kunci – Analisis penerokaan faktor (EFA), Integrasi gaya kepimpinan, Kepimpinan Transformasi, Kepimpinan Instruksional, Kepimpinan Teragih.

I. PENGENALAN

Sistem pendidikan Malaysia yang bercirikan struktur berpusat dan landskap budaya yang pelbagai menempatkan.

Noorveda Hashim, University Malaysia Sabah (Email address: noorvedahashim@gmail.com)
Roslee Talip, Universiti Malaysia Sabah (Email address: Roslee_73@ums.edu.my)

guru besar sekolah sebagai penghubung utama antara pelaksanaan dasar dan penambahbaikan sekolah. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) dan trend global telah mengalihkan fokus kepada kepimpinan transformasi, instruksional dan teragih, yang masing-masing menyumbang secara unik kepada penambahbaikan ini. Sepanjang dasawarsa yang lalu, peranan guru besar telah berkembang daripada pengurusan pentadbiran kepada kepimpinan instruksional dan transformasi, dengan penekanan yang semakin meningkat kepada kepimpinan teragih untuk memupuk budaya sekolah yang kolaboratif.

Peningkatan kompleksiti persekitaran sekolah yang dicirikan oleh keperluan murid yang pelbagai, reformasi kurikulum dan transformasi digital menuntut guru besar mengamalkan gabungan gaya kepimpinan, khususnya kepimpinan transformasi, instruksional dan teragih (Oterkiil & Ertesvåg, 2014; Urick & Bowers, 2014; Mohamed et al., 2020). Ketiga-tiga gaya kepimpinan guru besar ini amat penting dalam membentuk komitmen afektif guru dan pemimpin pertengahan iaitu pemacu utama keberkesanan sekolah, pengekalan guru dan pencapaian murid. Integrasi gaya kepimpinan transformasi, instruksional dan teragih adalah teras kepada reformasi pendidikan dan profesionalisme kepimpinan sekolah di Malaysia (Abdul Wahab et al., 2014; Harris et al., 2017; Fred & Bishen Singh, 2021).

Perkembangan ini telah mendorong pembangunan instrumen pengukuran yang bertujuan mengukur bukan sahaja tingkah laku kepimpinan individu, tetapi juga interaksi antara kepimpinan transformasi, instruksional dan teragih. Permintaan terhadap instrumen yang kukuh dan peka konteks semakin meningkat sejajar dengan kepelbagaian konteks sekolah, jangkaan budaya dan tekanan akauntabiliti. Pengukuran yang tepat ini adalah penting untuk penyelidikan, dasar dan amalan termasuk latihan guru besar, pembangunan profesional dan inisiatif penambahbaikan sekolah (Ahn et al., 2024).

Sorotan literatur mendapati kebanyakan instrumen tradisional lazimnya mengukur gaya-gaya kepimpinan ini secara berasingan, namun penyelidikan dan amalan semasa menonjolkan keperluan alat pengukuran bersepadu yang mencerminkan sifat hibrid kepimpinan sekolah moden. Pembangunan dan pengesahan instrumen kepimpinan bersepadu untuk penyelidikan dan pembangunan profesional ini penting, kerana ia membolehkan penilaian yang lebih nuansa dan sokongan yang lebih menyasarkan kepada guru besar yang menggalas peranan pelbagai fungsi (Urick & Bowers, 2014; Mohamed et al., 2020).

II. PENYATAAN MASALAH

Kepimpinan guru besar merupakan pemacu kritikal kepada keberkesanan sekolah, prestasi guru dan hasil murid dalam pendidikan rendah. Penyelidikan mengenai kepemimpinan guru besar di sekolah rendah telah berkembang dengan ketara, dengan instrumen dan kaedah pengesahan yang kukuh menyokong penilaian kepemimpinan transformasi, instruksional dan teragih. Namun, kompleksiti kepemimpinan sekolah moden yang bercirikan amalan hibrid, kepelbagaian budaya dan keperluan inovasi mendedahkan keterbatasan alat sedia ada.

Sorotan literatur mendapati pembangunan dan pengesahan instrumen secara berterusan adalah penting bagi menyokong kepemimpinan guru besar yang berkesan dan akhirnya meningkatkan hasil pendidikan di sekolah rendah (Urick & Bowers, 2014; Mohamed et al., 2020). Pengesahan psikometrik bagi kebanyakan instrumen juga adalah kukuh, namun bagi model bersepadu memerlukan penambahbaikan lanjut untuk menangani konstruk yang bertindih dan memastikan kebolehgunaannya merentas konteks yang pelbagai (Moreno-Casado et al., 2021; Aldighrir, 2024; Tran et al., 2025).

Kajian lepas juga menunjukkan pembangunan pelbagai instrumen yang mengukur gaya kepemimpinan guru besar yang berbeza, termasuk kepemimpinan transformasi, instruksional, dan teragih. Walaupun mempunyai kekuatan psikometrik, kebanyakan instrumen menilai gaya kepemimpinan secara berasingan tanpa menemui penggunaan gaya kepemimpinan secara bersepadu atau hibrid dalam pendidikan rendah moden. Hal ini terbukti melalui dapatan kajian berkaitan kepemimpinan bersepadu oleh Hitt dan Tucker (2016) yang mencadangkan rangka kerja bersepadu untuk amalan kepemimpinan sekolah yang berkesan. Namun, rangka kerja mereka tidak menyediakan instrumen untuk mengukur amalan kepemimpinan guru besar secara empirikal berdasarkan model bersepadu. Begitu juga instrumen tinjauan kepemimpinan sekolah oleh Leithwood (2017) adalah salah satu instrumen terhad yang merangkumi konsep kepemimpinan bersepadu. Walaupun, ketekalan dalaman setiap skala telah diuji, penambahbaikan berterusan instrumen perlu diperiksa untuk pengukuran dari segi sifat psikometrik konstruk. Kajian kepemimpinan bersepadu oleh Thien et al., (2019) pula adalah berdasarkan kepemimpinan transformasi dan transaksi Bass yang tidak merangkumi kepemimpinan instruksional dan teragih.

Malah, kajian terkini oleh Mohamed et al. (2020; 2023) cuba menangani isu ini dengan membangunkan instrumen bersepadu seperti *Integrated Principal Leadership Practices (IPLP)* yang menggabungkan dimensi kepemimpinan transformasi dan instruksional (Mohamed et al., 2020; 2023). Walau bagaimanapun, kajian ini tidak merangkumi kepemimpinan teragih. Tambahan pula, pengesahan model kepemimpinan bersepadu amat terhad, terutama di Malaysia. Sehubungan dengan itu, kajian ini cuba menutup jurang ini dengan membangunkan dan mengesahkan instrumen melalui adaptasi dan ubah suai instrumen sedia ada yang mengukur kepemimpinan transformasi, instruksional dan teragih mengikut konteks Malaysia.

Kebanyakan instrumen bersepadu yang muncul tetapi masih kurang bilangan dan kurang disahkan berbanding instrumen gaya kepemimpinan tunggal. Sehubungan dengan itu, wujudnya keperluan pembangunan instrumen gaya kepemimpinan bersepadu untuk menilai peranan guru besar yang pelbagai dimensi di sekolah rendah (Mohamed et al. 2020; Heenan et al. 2024). Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk membangunkan dan mengesahkan instrumen integrasi gaya kepemimpinan guru besar iaitu KT, KI, dan KG melalui persepsi pemimpin pertengahan sekolah rendah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

III. SOROTAN KAJIAN

Kepimpinan guru besar di sekolah rendah sedang mengalami peralihan paradigma ke arah pendekatan bersepadu yang menggabungkan pelbagai dimensi kepemimpinan. Evolusi ini didorong oleh kerumitan cabaran pendidikan semasa dan keperluan untuk kepemimpinan yang adaptif, kolaboratif dan peka terhadap konteks yang pelbagai. Dalam tempoh dua dekad kebelakangan ini, fokus penyelidikan telah beralih daripada meneliti gaya kepemimpinan tunggal kepada mengiktiraf keperluan model bersepadu yang mencerminkan peranan pemimpin sekolah yang kompleks dan pelbagai dimensi. Kerumitan persekitaran pendidikan yang semakin meningkat, bersama tuntutan terhadap kepemimpinan kolaboratif dan teragih, telah mendorong pembangunan instrumen yang mampu mengukur interaksi antara gaya kepemimpinan transformasi, instruksional, dan teragih.

Sorotan literatur menunjukkan terdapat jurang dalam instrumen sedia ada iaitu dari segi jurang teori, limitasi psikometrik, kerelevanan konteks dan liputan konstruk. Kebanyakan instrumen tidak mempunyai asas teori yang menyeluruh, sebaliknya menumpukan secara khusus pada gaya atau tingkah laku tertentu (Antonioni & Lu, 2018). Ketekalan ukuran rentas budaya jarang dicapai sepenuhnya dan kebanyakan instrumen kekurangan kesahan ramalan bagi hasil utama (Eryilmaz & Sandoval Hernandez, 2024). Hanya sedikit instrumen yang benar-benar mengintegrasikan ketiga-tiga gaya kepemimpinan dalam satu model pengukuran yang koheren (Mohamed et al., 2023; Shams et al., 2025). Justeru itu, bidang ini memerlukan instrumen pengukuran baharu berkaitan kepemimpinan bersepadu, peka terhadap konteks dan berkait rapat dengan hasil, disokong oleh pengesahan psikometrik yang rapi (Shen et al., 2019; Mohamed et al., 2020; 2023; Shams et al., 2025; Soncin et al., 2025).

Instrumen yang digunakan untuk mengukur tiga pemboleh ubah dalam kajian ini telah diuji dan digunakan beberapa kali dengan tujuan dan konteks kajian yang pelbagai. Kajian empirikal telah mengesahkan instrumen *Multifactor Leadership Questionnaire (MLQ)* oleh Avolio and Bass (2004) ialah instrumen yang sah dan boleh dipercayai untuk menilai kepemimpinan transformasi dalam kalangan guru besar sekolah rendah (Bajcar & Babiak, 2022; Wang et al., 2023). Kepimpinan transformasi khususnya merangkumi pengaruh ideal-atribut, pengaruh ideal-tingkah laku, motivasi berinspirasi, rangsangan intelektual dan pertimbangan individu merupakan dimensi yang sangat sejajar dengan keperluan hubungan dan

perkembangan persekitaran sekolah rendah (Xu et al., 2016; Moreno-Casado et al., 2021). Kepimpinan transformasi juga dikaitkan dengan peningkatan prestasi guru, budaya organisasi yang positif dan pencapaian murid (Faridah et al., 2022; Even & BenDavid-Hadar, 2025).

Bukti empirikal menyokong kerelevanan kepemimpinan transformasi yang diukur melalui MLQ bagi hasil kepemimpinan bersepadu di sekolah rendah, tetapi perbezaan persepsi dan faktor konteks perlu diambil kira (Cabral et al., 2020). MLQ menyediakan asas yang kukuh untuk penilaian kepemimpinan di sekolah rendah, tetapi adaptasi diperlukan bagi menemui pentafsiran sepenuhnya amalan kepemimpinan bersepadu (Moreno-Casado et al., 2021; Wang et al., 2023; Carter et al., 2025). Umumnya, kepemimpinan bersepadu, MLQ kerap digabungkan dengan instrumen lain atau diadaptasi bagi memasukkan dimensi instruksional, etika dan digital. Sebagai contoh, instrumen yang menggabungkan kepemimpinan transformasi dan instruksional telah disahkan di Maldives dan Indonesia (Wang et al., 2023; Hariri et al., 2024). Walau bagaimanapun, pengesahan empirikal langsung terhadap kepemimpinan bersepadu menggunakan MLQ di sekolah rendah masih terhad, dan menunjukkan keperluan penyelidikan dan pembangunan instrumen lanjutan (Boamah & Tremblay, 2019).

Instrumen KT MLQ yang digunakan oleh Tesfaw (2014) menunjukkan dimensi kepemimpinan transformasi yang diukur melalui MLQ menunjukkan korelasi positif sederhana hingga kuat dengan kepuasan kerja guru, budaya sekolah dan komuniti pembelajaran profesional (PLC). Instrumen tersebut juga digunakan oleh Moreno-Casado et al. (2021) dan Wang et al. (2023).

Selanjutnya, instrumen KI oleh Leithwood (2017; 2018) telah digunakan dalam penyelidikan Mohamad et al. (2020) untuk mengukur integrasi amalan kepemimpinan dalam konteks Maldives. *Integrated Principal Leadership Practices (IPLP)* yang disahkan oleh Mohamed et al. (2020) dalam konteks Maldives telah digunakan untuk mengukur amalan kepemimpinan bersepadu guru besar. Instrumen ini merupakan versi 'Survey of An Integrated Model of School Leadership' (Leithwood, 2017) dan 'Educational Leadership Survey' (Leithwood, 2018) yang telah diadaptasi dan disahkan. Versi instrumen yang disahkan mempunyai dua sub-konstruk iaitu kepemimpinan transformasi dan kepemimpinan instruksional. Dapatan kajian menunjukkan kebolehpercayaan kedua-dua dimensi amalan kepemimpinan bersepadu guru besar bagi Kepimpinan transformasi dan kepemimpinan instruksional masing-masing adalah $\alpha = 0.95$ dan $\alpha = 0.93$ (Mohamed et al., 2020). Instrumen IPLP juga telah digunakan oleh Mohamed (2023) dalam kajian kepemimpinan guru di Maldives. Dapatan kajian mendedahkan bahawa kepemimpinan guru besar mempunyai kesan langsung yang positif terhadap kepemimpinan guru dan penekanan akademik.

Manakala, instrumen KG kajian ini menggunakan instrumen *Leadership Density Inventory (LDI)* oleh Smith et al. (2004) telah digunakan dalam kajian Jacobs (2010). LDI yang disemak semula menggunakan tinjauan 16 soalan yang mengukur persepsi guru tentang kepemimpinan teragih di sekolah. Instrumen LDI telah diuji

kebolehpercayaan ketekalan dalaman menggunakan Alpha Cronbach dan hasilnya menghasilkan pekali Alpha iaitu 0.85 (Mbonu & Azuji, 2021). Penemuan juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif dan signifikan antara amalan kepemimpinan teragih dan komitmen guru terhadap organisasi. Instrumen juga telah digunakan dalam kajian Ross et al. (2016), Taylor (2017) dan Mbonu & Azuji (2021). Berdasarkan sorotan literatur, terdapat keperluan yang jelas untuk penyelidikan empirikal langsung dan pengesahan LDI di sekolah rendah, dengan memberi perhatian kepada faktor budaya (Eryilmaz & Sandoval Hernandez, 2024) dan konseptual (Mohamed et al., 2023; Gil-Espinosa et al. 2024; Choi et al., 2024).

Ketiga-tiga instrumen gaya kepemimpinan iaitu KT, KI, dan KG telah digunakan secara meluas dalam konteks kajian yang pelbagai di dalam dan luar negara. Namun, dalam konteks kumpulan sampel yang sentiasa berbeza dalam setiap kajian, kesahan dan kebolehpercayaan instrumen perlu dilakukan setiap kali kajian hendak dilakukan. Justeru itu, instrumen tersebut masih perlu diuji dalam konteks pemimpin pertengahan sekolah rendah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, artikel ini hanya membincangkan usaha untuk menguji kesahan instrumen gaya kepemimpinan KT, KI dan KG melalui prosedur EFA.

IV. METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini ialah kajian tinjauan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif. Kaedah tinjauan dalam talian (*online surveys*) menjadi pilihan penyelidik disebabkan oleh beberapa kelebihan utama, iaitu jangkauan luas dan kebolehcapaian, kecekapan kos dan keberkesanan, peningkatan kualiti data dan alat analisis, dan fleksibiliti dan penyesuaian. Penyelidik menggunakan soal selidik sebagai alat pengumpulan data secara terus daripada responden kajian kerana proses pemungutan data dapat dikendalikan dengan efisien dan maklumat dapat diperolehi dengan cepat serta data dapat diperihalkan mengikut soalan kajian yang ingin diselesaikan (Creswell, 2014). Data dianalisis menggunakan *Statistical Package of Social Sciences (SPSS)* versi 25.0. Kaedah persampelan rawak mudah digunakan untuk mendapatkan sampel untuk kajian ini.

Populasi dan Persampelan

Kajian rintis dijalankan untuk mengumpul data menggunakan soal selidik yang baru dibangunkan. Saiz sampel minimum yang diperlukan untuk rintis yang diperlukan mengikut Hair et al. (2010), cadangan untuk saiz sampel minimum bergantung pada kerumitan model dan ciri-ciri model pengukuran asas. Jika terdapat lima atau kurang konstruk dalam model dengan setiap konstruk mempunyai lebih daripada tiga item pengukuran, saiz sampel minimum yang diperlukan ialah 100 (Awang et al., 2018). Sampel kajian ini terdiri daripada 103 responden dipilih secara rawak daripada kerangka persampelan yang

terdiri daripada pemimpin pertengahan sekolah rendah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Bilangan sampel seramai 103 orang adalah sesuai untuk kajian ini berdasarkan pandangan Hair et al. (2014) yang mengatakan bilangan minimum sampel berdasarkan ujian analisis statistik mestilah sekurang-kurangnya 100 atau pada kadar 5 atau 20 kali bilangan pemboleh ubah. Soal selidik telah dihantar kepada responden yang dipilih secara rawak untuk mengumpul data kajian rintis. Daripada data yang dikumpul, penyelidik menggunakan prosedur analisis faktor penerokaan (EFA) dalam SPSS 25.0 untuk meneroka dan menilai kegunaan setiap item pengukur dan menentukan dimensinya.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan untuk kajian ini mempunyai tiga set soal selidik. Kebenaran untuk menggunakan soal selidik ini diperolehi daripada penulis. Pertama, instrumen gaya kepimpinan transformasi guru besar diukur menggunakan *Multifactor Leadership Questionnaire (MLQ)* yang diperkenalkan oleh Avolio dan Bass (2004) dan telah diadaptasi oleh beberapa pengkaji sebelum ini seperti (Omar, 2016). Ianya mengandungi 20 item soalan yang dikelaskan untuk mengukur lima dimensi gaya kepimpinan transformasi. Pengukuran kepimpinan transformasi guru besar kajian ini terdiri 20 item yang mewakili lima dimensi utama iaitu empat item dimensi pengaruh ideal-atribut, empat item dimensi pengaruh ideal-tingkah laku, empat item dimensi motivasi berinspirasi, empat item dimensi rangsangan intelektual dan empat item dimensi pertimbangan individu.

Kedua, instrumen kepimpinan Instruksional Guru Besar pula diukur menggunakan instrumen KI diadaptasi daripada '*Survey of An Integrated Model of School Leadership*' (Leithwood, 2017), dan versi terkini '*Educational Leadership Survey*' (Leithwood, 2018) telah digunakan dalam penyelidikan Mohamad et al. (2020) yang mengandungi sebanyak 9 item kepimpinan instruksional dimuatkan untuk dianalisis dengan melibatkan tiga dimensi, iaitu satu item dimensi menentukan hala tuju sekolah, satu item dimensi membangunkan modal insan, dan tujuh item dimensi pengurusan program instruksional-pengajaran.

Seterusnya ketiga instrumen soal selidik perilaku gaya kepimpinan teragih guru besar diukur dengan menggunakan instrumen *Leadership Density Inventory (LDI)* oleh Smith et al. (2004) telah digunakan dalam kajian Jacobs (2010). Sebanyak 16 item variabel kepimpinan teragih guru besar dimuatkan untuk dianalisis dengan melibatkan tiga dimensi iaitu lapan item dimensi kepadatan kepimpinan guru, lima item dimensi kepadatan kepimpinan murid, dan tiga item dimensi peluang untuk memimpin.

Kesemua item bagi instrumen KT, KI dan KG ini diukur menggunakan skala interval (Likert) yang berkisar dari 1 (sangat jarang) hingga 5 (sangat kerap) dengan pernyataan item yang diberikan (Awang et al., 2018, 2023; Anuar et al., 2023; Muda et al., 2018, 2020).

Kesahan Instrumen

Penyelidik perlu melakukan kesahan muka, kesahan kandungan dan kesahan konstruk bagi memastikan instrumen yang digunakan dalam kajian ini menepati permasalahan yang ingin dikaji. Kesahan muka dapat menambahkan keyakinan bahawa alat ukur yang digunakan menampakkan kesahan baik kepada responden kajian dan juga orang lain yang kurang pendedahan terhadap pengukuran tersebut (Arasinah et al., 2014). Kesahan kandungan pula dilakukan untuk memastikan item dalam soal selidik dapat mengukur dengan betul konsep yang terpendam dalam sesuatu kajian dan juga dapat menentukan bahawa item-item dalam setiap soalan dapat menjawab persoalan kajian yang dibentuk (Creswell, 2014). Oleh itu, kesahan instrumen perlu dilakukan kerana dapatan kajian yang mempunyai nilai yang tinggi menunjukkan fakta atau bukti tersebut mampu memberi justifikasi yang tepat. Sesuatu alat penilaian adalah sah apabila pembinaan alat tersebut memenuhi atau menepati fungsi dan objektif pembinaannya (Idris, 2013).

Bagi memastikan perkara ini dicapai, tujuh orang pakar yang terdiri daripada pensyarah universiti, pensyarah Institut Aminudin Baki, *School Improvement Specialist Coach Plus (SISC+)*, guru besar, dan ketua panitia dilantik untuk memastikan kesahan kandungan, kesahan muka, dan kesahan skala pengukuran bagi instrumen dalam kajian ini. Penglibatan mereka amat diperlukan untuk membuat semakan dalam memastikan keselarian antara item dengan kandungan. Hasil dari penyemakan pakar mendapati tiada item yang digugurkan kerana kesemua item adalah sesuai untuk mengukur konstruk integrasi gaya kepimpinan guru besar. Namun berdasarkan saranan pakar bahasa, penyelidik hanya perlu melakukan sedikit penambahbaikan dari segi laras bahasa agar lebih mudah difahami dan dapat menjelaskan maksud setiap item (Leedy & Ormrod, 2005; Noor et al., 2021). Selanjutnya, prosedur kajian rintis pula dilakukan untuk menilai pemberat faktor setiap item, meneliti komponen-komponen yang terbentuk daripada kombinasi item yang dibina dan juga untuk menilai kebolehppercayaan dalaman instrumen tersebut. Prosedur yang terlibat di peringkat ini adalah Analisis Penerokaan Faktor (EFA).

Analisis Data

Analisis EFA bagi kajian rintis ini melibatkan saiz sampel seramai 103 orang dan nilai pemberat faktor yang ditetapkan adalah melebihi 0.6 mengikut saranan oleh Hair et al. (2014). Nilai pemberat faktor (*factor loading*) perlu melebihi 0.6 untuk dikekalkan dalam kajian seterusnya iaitu kajian lapangan (Ismail et al., 2022, 2024; Rahlin et al., 2021; Mustafa et al., 2024; Muda et al., 2018, 2020). Manakala item perlu disingkirkan sekiranya gagal memenuhi keperluan minimum nilai pemberat faktor iaitu kurang daripada 0.6 (Awang et al., 2018, 2023; Anuar et al., 2023; Baharum et al., 2023; Bolaji et al., 2024; Ismail et al., 2022, 2024).

Kesesuaian data sampel ditentukan dengan melakukan ujian Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) dan ujian keseferaan Barlett (Bartlett's Test of Sphericity). Untuk kajian ini,

EFA adalah sesuai dengan nilai KMO 0.60 sebagai nilai minimum untuk analisis faktor yang baik. Kedua-dua keputusan ini (Bartlett's Test signifikan dan KMO>0.6) menunjukkan bahawa data mencukupi untuk meneruskan prosedur EFA (Muda et al., 2018, 2020; Ehido et al., 2020; Fitriana et al., 2022). Manakala nilai eigen yang dipersetujui ialah ≥ 1.0 bagi menentukan bilangan faktor yang mewakili dimensi-dimensi sesuatu konstruk yang diukur dan dianggap signifikan untuk mengekalkan bilangan faktor tersebut (Hair et al., 2014; Chua, 2009).

Selain itu, nilai variasi yang diterangkan (*Total Variance Explained*) untuk setiap konstruk mesti melebihi nilai minimum yang diperlukan iaitu sebanyak 60% (Awang et al., 2018, 2023; Ehido et al., 2020; Fitriana et al., 2022; Ismail et al., 2022, 2024). Kebolehpercayaan dalaman atau konsistensi dalaman menunjukkan sejauh mana kekuatan item-item tersebut saling berkait dalam mengukur konstruk yang berkenaan. Nilai Cronbach's Alpha haruslah melebihi 0.7 untuk item-item mencapai nilai Kebolehpercayaan Dalaman yang baik (Anuar et al., 2023; Baharum et al., 2023; Bolaji et al., 2024; Mustafa et al., 2024).

V. DAPATAN KAJIAN

EFA untuk Instrumen Gaya Kepimpinan Transformasi Guru Besar

EFA menggunakan kaedah pengekstrakan *Principal Component Analysis with Varimax (Variation Maximization) Rotation* telah dijalankan ke atas 20 item yang mengukur konstruk KT. Sebanyak 20 item variabel KT dimuatkan untuk dianalisis dengan melibatkan lima komponen, iaitu mewakili aspek Pengaruh Ideal-Atribut (KTA), Pengaruh Ideal-Tingkah Laku (KTB), Motivasi Berinspirasi (KTC), Rangsangan Intelektual (KTD), dan Pertimbangan Individu (KTE). Jadual I menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi setiap item yang mengukur komponen masing-masing dalam konstruk KT.

JADUAL I: STATISTIK DESKRIPTIF SETIAP ITEM YANG MENGUKUR KONSTRUK GAYA KEPIMPINAN TRANSFORMASI GURU BESAR

Item	Min	Sisihan Piawai
KTA1 Saya berasa bangga menjadi rakan kepada sistem pengurusan di sekolah ini.	3.86	.805
KTA2 Guru besar memuji guru yang berjaya mencapai sasaran di hadapan rakan sekerja.	3.84	.789
KTA3 Guru besar menunjukkan contoh yang baik kepada semua staf di sekolah ini.	3.86	.805
KTA4 Guru besar menyelesaikan sesuatu masalah atau isu secara kreatif dan inovatif.	3.75	.813
KTB1 Guru besar mengingatkan guru agar mengamalkan nilai-nilai positif dalam semua tindakan.	3.53	.937
KTB2 Guru besar mempunyai misi dan visi yang jelas dalam usaha mencapai matlamat organisasi.	3.37	.840
KTB3 Guru besar mempertimbangkan kesan etika dan moral terhadap sesuatu keputusan.	3.23	.819

KTB4 Guru besar menekankan kepada kepentingan semua warga sekolah mempunyai misi bersama.	3.54	.861
KTC1 Guru besar sentiasa meyakinkan guru yang kejayaan akan dapat dicapai.	3.84	.738
KTC2 Guru besar menyatakan setiap tindakan perlu dilakukan dengan penuh bersemangat	3.83	.706
KTC3 Guru besar sentiasa mengingatkan ganjaran apabila berjaya mencapai sasaran.	3.84	.777
KTC4 Guru besar melahirkan keyakinan bahawa matlamat akan tercapai.	3.83	.806
KTD1 Guru besar sentiasa menggalakkan guru berfikir secara kritis dalam sesuatu tindakan.	3.70	.725
KTD2 Guru besar menggalakkan warga sekolah memberi maklumat berkaitan pemajuan sekolah secara berterusan.	3.55	.789
KTD3 Guru besar membolehkan saya untuk melihat masalah dari pelbagai sudut pandangan.	3.56	.800
KTD4 Guru besar mencadangkan kaedah baharu menyelesaikan tugas yang diberi.	3.63	.657
KTE1 Guru besar sentiasa membimbing guru yang memerlukan tunjuk ajar.	2.94	.927
KTE2 Guru besar menganggap saya sebagai individu, bukan sekadar ahli kumpulan.	3.12	.855
KTE3 Guru besar menganggap setiap orang mempunyai keperluan, kebolehan dan aspirasi yang berbeza.	3.23	.899
KTE4 Guru besar membantu memperkembangkan potensi diri saya.	3.92	.848

Keputusan analisis dalam Jadual II menunjukkan bahawa Ujian Kesferaan Bartlett yang diperoleh adalah baik dan signifikan ($\chi^2=1510.524$, $df=190$, $p<0.05$). Selain itu, Ujian Sukatan Kecukupan Pensampelan Kaiser-Meyer-Olkin (KMO=0.898) adalah sangat baik kerana ia melebihi nilai yang diperlukan iaitu 0.6. Kedua-dua keputusan ini (Bartlett's Test signifikan dan KMO>0.6) menunjukkan bahawa data mencukupi untuk meneruskan prosedur EFA. Perkara ini menjadi petunjuk berkaitan sifat kebolehfaktor yang menepati andaian.

JADUAL II: KMO DAN UJIAN KESFERAAN BARTLETT

KMO and Bartlett's Test		
Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy.		.898
Bartlett's Test of Sphericity	Approx. Chi-Square	1510.524
	df	190
	Sig.	.000

Keputusan dalam Jadual III menunjukkan terdapat lima dimensi atau komponen yang muncul daripada prosedur EFA berdasarkan nilai Eigen yang dikira melebihi 1.0. Didapati bilangan komponen kajian semasa adalah sama dengan kajian terdahulu iaitu lima komponen. Jumlah variasi yang diterangkan (*Total Variance Explained*) untuk konstruk KT ialah 77.149%. Nilai ini telah melebihi nilai minimum yang diperlukan iaitu sebanyak 60%.

JADUAL III: BILANGAN KOMPONEN YANG TERBENTUK DAN JUMLAH VARIASI SETIAP KOMPONEN

Component	Total Variance Explained		
	Rotation Sums of Squared Loadings		
	Total	% of Variance	Cumulative %
1	3.674	18.368	18.368
2	3.121	15.607	33.974

3	2.906	14.530	48.505
4	2.867	14.334	62.839
5	2.862	14.310	77.149

Extraction Method: Principal Component Analysis.

Jadual IV memaparkan lima komponen yang terbentuk serta taburan item dalam setiap komponen tersebut. Didapati bilangan komponen tidak berubah sama seperti kajian terdahulu. Hasil EFA menunjukkan bahawa semua item kecuali KTE4 memenuhi kriteria minimum. Oleh itu, item KTE4 digugurkan daripada analisis kerana nilai pemberat faktor tertingginya adalah 0.402, yang tidak memenuhi syarat minimum. Bilangan item bagi variabel KT pada asalnya 20 item telah berkurangan menjadi 19 item.

JADUAL IV: KOMPONEN YANG TERHASIL SERTA ITEM YANG MENGUKURNYA

Item	Rotated Component Matrix				
	Component				
	1	2	3	4	5
KTA1	.870				
KTA2	.784				
KTA3	.841				
KTA4	.803				
KTB1			.799		
KTB2			.806		
KTB3			.758		
KTB4			.714		
KTC1		.863			
KTC2		.880			
KTC3		.761			
KTC4		.670			
KTD1					.731
KTD2					.687
KTD3					.794
KTD4					.748
KTE1				.831	
KTE2				.811	
KTE3				.833	
KTE4				.402	

Extraction Method: Principal Component Analysis.

Rotation Method: Varimax with Kaiser Normalization.

a. Rotation converged in 6 iterations.

Berdasarkan Jadual V menunjukkan nilai Kebolehpercayaan Dalaman Cronbach's Alpha untuk konstruk KT. Nilai Cronbach dalam Jadual 5 menunjukkan item-item tersebut mempunyai kebolehpercayaan dalaman yang sangat baik untuk mengukur konstruk KT (Cronbach > 0.7).

JADUAL V: NILAI KEBOLEHPERCAYAAN DALAMAN (CRONBACH'S ALPHA) KONSTRUK GAYA KEPIMPINAN TRANSFORMASI GURU BESAR

Reliability Statistics		
Construct	N of Items	Cronbach's Alpha
Gaya Kepimpinan Transformasi Guru Besar	19	0.933

EFA untuk Instrumen Gaya Kepimpinan Instruksional Guru Besar

Bagi tujuan kesahan, variabel KI mengandungi sebanyak 9 item dimuatkan untuk dianalisis dengan melibatkan tiga komponen, iaitu menentukan hala tuju sekolah, membangunkan modal insan, dan pengurusan program instruksional-pengajaran. Jadual 6 menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi setiap item yang mengukur komponen masing-masing dalam konstruk KI.

JADUAL VI: STATISTIK DESKRIPTIF SETIAP ITEM YANG MENGUKUR KONSTRUK GAYA KEPIMPINAN INSRUKSIONAL GURU BESAR

Item		Min	Sisihan Piawai
KIA	Guru besar membantu menetapkan matlamat jangka pendek untuk pengajaran dan pembelajaran.	3.86	.805
KIB	Guru besar mengingatkan semua guru untuk meningkatkan kemahiran pengajaran mereka.	3.71	.736
KIC1	Guru besar sentiasa memantau aktiviti bilik darjah.	3.84	.738
KIC2	Guru besar memperbaiki pengajaran guru selepas memantau aktiviti bilik darjah.	3.83	.706
KIC3	Guru besar kerap membincangkan isu pendidikan.	3.84	.777
KIC4	Guru besar mengurangkan gangguan dalam pengajaran guru.	3.83	.806
KIC5	Guru besar menggalakkan saya menggunakan data dalam kerja saya.	3.88	.718
KIC6	Guru besar menggalakkan penggunaan data dalam merancang keperluan murid secara individu.	3.96	.713
KIC7	Guru besar menggalakkan penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran.	3.89	.803

Keputusan analisis dalam Jadual VII menunjukkan bahawa keputusan ujian Kesferaan Bartlett yang diperoleh adalah sangat baik dan signifikan ($\chi^2=682.669$, $df=36$, $p<0.05$), dan nilai ujian Sukatan Kecukupan Pensampelan Kaiser-Meyer-Olkin adalah 0.918. Nilai ini melepasi daripada nilai 0.60 seperti yang disarankan (Awang et al., 2018, 2023; Anuar et al., 2023; Baharum et al., 2023; Bolaji et al., 2024). Perkara ini menunjukkan sifat kebolehfaktorannya menepati andaian dan ujian analisis faktor boleh diteruskan.

JADUAL VII: KMO DAN UJIAN KESFERAAN BARTLETT

KMO and Bartlett's Test		
Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy.		.918
Bartlett's Test of Sphericity	Approx. Chi-Square	682.669
	df	36
	Sig.	.000

Keputusan dalam Jadual VIII menunjukkan terdapat tiga dimensi atau komponen yang muncul daripada prosedur EFA berdasarkan nilai Eigen yang dikira melebihi 1.0. Jadual 8 menunjukkan jumlah variasi yang diterangkan oleh setiap komponen yang mengukur konstruk KI. Jumlah variasi yang diterangkan (*Total Variance Explained*) untuk konstruk Kepimpinan Instruksional Guru Besar ialah 81.836%. Nilai ini telah melebihi nilai minimum yang diperlukan iaitu sebanyak 60%.

JADUAL VIII: BILANGAN KOMPONEN YANG TERBENTUK DAN JUMLAH VARIASI SETIAP KOMPONEN

Component	Total Variance Explained		
	Rotation Sums of Squared Loadings		
	Total	% of Variance	Cumulative %
1	4.712	52.355	52.355
2	1.479	16.434	68.790
3	1.174	13.046	81.836

Extraction Method: Principal Component Analysis.

Jadual IX memaparkan tiga komponen yang terbentuk serta taburan item dalam setiap komponen tersebut. Didapati bilangan komponen tidak berubah sama seperti kajian terdahulu. Kesemua 9 item mempunyai nilai pemberat faktor (*factor loading*) melebihi 0.6. Maka tiada item yang perlu disisih untuk kajian seterusnya iaitu kajian lapangan.

JADUAL IX : KOMPONEN YANG TERHASIL SERTA ITEM YANG MENGUKURNYA

Item	Rotated Component Matrix		
	Component		
	1	2	3
KIA			.963
KIB		.927	
KIC1	.856		
KIC2	.875		
KIC3	.805		
KIC4	.689		
KIC5	.849		
KIC6	.842		
KIC7	.757		

Extraction Method: Principal Component Analysis.
Rotation Method: Varimax with Kaiser Normalization.
a. Rotation converged in 5 iterations.

Berdasarkan Jadual X menunjukkan nilai Kebolehpercayaan Dalaman Cronbach's Alpha untuk konstruk Gaya Kepimpinan Instruksional Guru Besar. Nilai Cronbach dalam Jadual 10 menunjukkan item-item tersebut mempunyai kebolehpercayaan dalaman yang baik untuk mengukur konstruk Gaya Kepimpinan Instruksional Guru Besar (Cronbach > 0.7).

JADUAL X: NILAI KEBOLEHPERCAYAAN DALAMAN (CRONBACH'S ALPHA) KONSTRUK GAYA KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL GURU BESAR

Construct	Reliability Statistics	
	N of Items	Cronbach's Alpha
Gaya Kepimpinan Instruksional Guru Besar	9	0.924

EFA untuk Instrumen Gaya Kepimpinan Teragih Guru Besar.

